Soalan Objektif

1. Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh Parameswara.

   Mengapakah Parameswara memilih Melaka untuk mengasaskan kerajaan?
   - **A** Mempunyai bentuk muka bumi yang rata.
   - **B** Penduduk tempatan yang ramai.
   - **C** Kedudukan Melaka yang strategik untuk laluan perdagangan.
   - **D** Kaya dengan hasil bumi.

2. Pilih pernyataan yang betul tentang peranan Raja dalam sistem pemerintahan.
   - **I** Menjadi ketua agama Islam.
   - **II** Mengetuai hubungan diplomatik.
   - **III** Merupakan ketua polis.
   - **IV** Menjadi simbol perpaduan dan kemakmuran.
   - **A** I, II dan III
   - **B** I, II dan IV
   - **C** I, III dan IV
   - **D** I, II, III dan IV

3. Apakah asas Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?
   - **A** Sistem Pembesar Empat Lipatan
   - **B** Sistem Pembesar Lapan Lipatan
   - **C** Sistem Pembesar Enam Belas Lipatan
   - **D** Sistem Pembesar Tiga Puluh Dua Lipatan

4. Siapakah Orang Kaya Berempat?
   - **I** Bendahara
   - **II** Penghulu Bendahari
   - **III** Temenggung
   - **IV** Menteri
   - **A** I, II dan III
   - **B** I, II dan IV
   - **C** I, III dan IV
   - **D** II, III dan IV

5. Berikut merupakan salah satu sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka.

   Hukum Kanun Melaka

   Pilih pernyataan yang betul mengenai undang-undang tersebut.
   - **A** Ditulis semasa zaman Sultan Iskandar Shah.
   - **B** Mengandungi 55 fasal.
   - **C** Undang-undang ini tidak mempunyai hukum Islam.
   - **D** Undang-undang ini mewujudkan keamanan dan menjamin keselamatan rakyat.

6. Bagaimanakah penyebaran agama Islam berlaku di Kesultanan Melayu Melaka?
   - **A** Pengislaman Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1414.
   - **B** Pemerintah menghantar ulama dan mubaligh ke seluruh kawasan pengaruhnya.
   - **C** Islam tersebar melalui pedagang Inggeris.
   - **D** Perkahwinan puteri Sultan Mansur Shah dengan putera Raja Siam.

7. Maklumat berikut berkaitan tugas pegawai.

   - Mengurus pasar dan gudang.
   - Menjaga kebajikan pedagang.

   Siapakah pegawai yang memikul tugas tersebut?
   - **A** Syahbandar
   - **B** Laksamana
   - **C** Temenggung
   - **D** Orang Laut

8. Apakah peranan Orang Laut di pelabuhan Melaka?
   - **A** Menjadi hakim di pelabuhan.
   - **B** Mengurus cukai di pelabuhan.
   - **C** Mengurus urusan perdagangan.
   - **D** Sebagai tentera untuk menjamin keselamatan pedagang.

9. Kerajaan manakah yang menghadiahi "Budak Raja" kepada Sultan Melaka?
   - **A** Demak
   - **B** Makasar
   - **C** Pasai
   - **D** Majapahit

10. Peta berikut menunjukkan empayar Kesultanan Melayu Melaka.

   Pada tahun 1511, kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka berakhir dengan kedatangan
   - **A** Inggeris
   - **B** Belanda
   - **C** Portugis
   - **D** Jepun

LIVEWORKSHEETS